

18 AUG 1983

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kerjasama gedung . membeli-belah

KERJASAMA antara gedung-gedung membeli-belah Korea Selatan dan Malaysia akan diusahakan berikutan lawatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Seoul sekarang, kata satu sumber perniagaan di sini semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang tiba di Seoul semalam, menyuarakan keinginannya untuk melawat gedung-gedung membeli-belah Korea, kata sumber itu.

Beliau ingin melihat sendiri pengurusan gedung-gedung itu untuk membolehkannya menolong memajukan bidang perniagaan itu di Malaysia, tambahnya.

Pelawat-pelawat Malaysia akan juga melawat pusat membeli-belah Shinsegye dan Lotte, Sabtu ini.

Sementara itu, akhbar *Korea Herald* — salah sebuah akhbar berbahasa Inggeris di Seoul — menyebut lawatan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai "satu langkah meluaskan persahabatan dan kerjasama Seoul dengan Kuala Lumpur, membuka jalan bagi menambah penyertaan Korea dengan negara-negara Asia Tenggara untuk pembangunan rantau".

Akhbar itu berkata, hubungan rapat antara Korea Selatan dan Malaysia akan memberi sumbangan kepada integrasi dan kerjasama rantau di Pasifik Barat.

— Bernama-Yonhap.